



MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
05/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Senggaraan dan Pembaikan Tahunan Elektrik Bangunan Serta Perkakasan Untuk Bangunan, Dewan, Galeri, Bengkel, Pasar, Gerai dan Bangunan-Bangunan Yang Berkaitan, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) Gred : G2 & G3 Pengkhususan E01, E04, E06, E10, E11, E17 Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) Kontraktor tempatan yang berdaftar di negeri Kedah	Ruang Legar Aras G, Menara MPSPK	10.00 pagi	13 Januari 2021

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Harga Dokumen : **RM50.00 senaskhah (tunai)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari Jabatan Perbendaharaan (Seksyen Perolehan) mulai **13 Januari 2021** pada hari dan waktu seperti berikut :-

Ahad – Rabu	:	8.15 pagi – 12.45 tengah hari
		2.15 petang – 4.45 petang
Khamis	:	8.15 pagi – 12.45 tengah hari
		2.15 petang – 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **20 Januari 2021** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.